



UNTUK SIARAN
SEGERA

KENYATAAN MEDIA

PENEMUAN LKAN 2021: LTAT AKAN MEMATUHI KEPUTUSAN KEMENTERIAN KEWANGAN TENTANG PEMBAYARAN CARUMAN KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 22 Mac 2022: LTAT mengambil maklum tentang penemuan Laporan Ketua Audit Negara 2021 (LKAN) yang menyatakan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) tidak memulangkan caruman Kerajaan dari 2018 - 2020 berjumlah RM695.05 juta kepada Kumpulan Wang Disatukan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 9 (3) Akta 101.

Sejak penubuhan LTAT pada tahun 1973, semua caruman kerajaan sentiasa dikembalikan kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen. Dengan penubuhan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) pada tahun 2007, bererti semua kuasa, fungsi, aktiviti, aset dan liabiliti Kumpulan Wang Amanah Pencen telah diberikan kepada KWAP.

Oleh itu, berdasarkan surat yang diterima daripada KWAP pada 2007, semua caruman kerajaan, termasuk yang dibuat dari tahun 2018 hingga 2020 daripada 9,542 pencarum pencen LTAT berjumlah RM695.05 juta telah dikembalikan kepada KWAP.

Namun begitu, memandangkan kedua-dua KWAP dan Kumpulan Wang Disatukan adalah entiti kerajaan di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan, LTAT telah memohon panduan daripada Kementerian Kewangan berkenaan sebarang pembayaran caruman kerajaan pada masa hadapan.

**LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA
23 MAC 2022**